

800 pokok bakau ditanam di Port Dickson

PORT DICKSON 29 Ogos - Kira-kira 800 benih pokok bakau ditanam di sekitar pesisiran Pantai Cahaya Negeri di sini dalam Program Lestari Bakau 2018, baru-baru ini.

Program itu dianjurkan oleh syarikat On Semiconductor dengan kerjasama Universiti Malaya dan turut melibatkan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD).

Timbalan Speaker Dewan

Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan, M. Ravi berkata, program penanaman pokok bakau amat penting bagi memastikan kawasan pantai terpelihara dan tidak terhakis.

“Melalui program ini kita juga dapat melihat kerjasama erat agensi-agensi kerajaan, badan korporat serta komuniti setempat dalam menjayakan usaha menjaga alam sekitar,” katanya semasa perasmian Program Lestari Bakau 2018.

Yang turut hadir Pengarah

Korporat dan Kemasyarakatan MPPD, Mohammad Norazlan Othman.

Seramai 200 sukarelawan dari On Semiconductor, pelajar Politeknik Port Dickson, pelajar Sekolah Rendah Seri Pagi, Senawang dan penduduk tempatan menyertai program tersebut.

Dalam pada itu, Ravi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Sri Tanjung berharap pengunjung pantai di Port Dickson menjaga kebersihan bagi mengelak kawasan tumpuan ramai itu dari-

pada tercemar.

“Masyarakat juga perlu mempunyai kesedaran dalam menjaga kebersihan tempat awam dan ia perlu diamalkan dalam kehidupan seharian,” katanya.

Sementara itu, bagi memastikan tumbesaran pokok itu, sistem *tagging* dan QR Code dilaksanakan melalui teknologi yang dibangunkan oleh UTM.

Program itu turut dimeriahkan dengan aktiviti kanak-kanak dan pameran anjuran Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan.